

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI
DATO HUSSEIN ONN, DIUPACARA,
PEMBUKAAN RESMI PELABUHAN BARU
SIBU, DI SIBU SARAWAK PADA 29HB
APRIL, 1978 JAM 10.00 PAGI

- 1. Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak,
Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub,
- 2. Y.B. Menteri-Menteri Persekutuan,
- 3. Y.B. Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri
Perhubungan dan Kerjaraya,
Datuk Dunstan Endawie,
- 4. Y.B. Menteri-Menteri dan ~~Pembantu-Pembantu~~ ^{menteri² muda} Menteri,
Negeri Sarawak,
- 5. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kepada Allah, kerana dalam bidang lawatan resmi saya ke Sarawak, dapat pula saya datang ke Sibu dan seterusnya melakukan pembukaan resmi Pelabuhan baru ini. Saya mengucapkan ~~berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan~~ kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Lembaga Pelabuhan Rajang, terutama kepada Datuk

Patinggi Tan Sri Haji

2.

Abdul Rahman Yaakub, kerana memberi penghormatan ini kepada saya. Saya juga mengucapkan berbanyak terimakasih ~~dan setinggi-tinggi penghargaan~~ kepada rakyat Sibu, ^{kerana} ~~diatas~~ sambutan meriah yang telah diberikan kepada saya di Lapangan Terbang, terutama murid-murid sekolah yang telah berbaris di sepanjang jalan ke Sri Rajang, dan juga ke Palabuhan, mengalu-alukan ketibaan saya ke sini.

2. Hari ini merupakan hari ketiga, lawatan saya ke Sarawak. Dari pandangan udara dalam perjalanan saya dari Kuching ke Sibu, saya dapat menyaksikan betapa luasnya negeri Sarawak yang masih hijau, dan kaya dengan

3.

hasil kayu-kayannya. Memandangkan kepada potensi yang luas ini, bertambah pula dengan hasil dari pengeluaran minyak dan gasnya, masa depan Sarawak amatlah cerah. Saya penuh yakin, dengan pimpinan dinamis dan usaha-usaha jangka panjang yang menyeluruh, rakyat negeri ini, akan dapat menyaksikan pembangunan yang lebih pesat, serta menikmati keadaan hidup yang lebih makmur dan bahagia.

3. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan-kerajaan negeri melaksanakan projek dan rancangan, yang boleh meningkatkan lagi pertumbuhan dan perkembangan kegiatan ekonomi negeri. Penyediaan per-
khidmatan pengangkutan dan perhubungan, adalah

4.

penting bagi pembangunan sosial dan ekonomi. Sektor ini akan terus dimaju, diperbaiki dan diperluaskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, bagi mempercepat dan menggalakkan penyatuan yang lebih erat di kalangan rakyat Malaysia berbilang kaum di seluruh negara. Perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan yang baik, akan juga membantu dan menggalakkan pembangunan sektor-sektor utama yang lain.

4. Di Sarawak, sistem pengangkutan dan perhubungan ini, akan juga terus diperbaiki dan diperluaskan, supaya dapat membantu usaha-usaha memajukan sumber semula jadi, dan juga untuk menghubungkan kawasan-kawasan pedalaman dengan pusat-pusat bandar. Disamping itu, perkhidmatan pengangkutan laut dan udara, serta

5.

kemudahan-kemudahan di lapangan terbang dan pelabuhan, juga diperbaiki dan diperluaskan, bagi menampung perkembangan perdagangan antara bangsa, dan juga antara Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

5. Pembinaan pelabuhan baru di Sibu ini, merupakan satu daripada usaha Kerajaan kearah mewujudkan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan yang lebih licin dan berkesan. Ia akan mengeratkan lagi pertalian perdagangan dalam negeri Sarawak, dan kegiatan perdagangan antarabangsa Sarawak. Saya penuh yakin, dengan adanya kemudahan baru ini, serta juga kemudahan-kemudahan di pelabuhan-pelabuhan yang lain di Sarawak, kegiatan perdagangan negeri akan terus meningkat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Satu lagi pelabuhan penting bagi negeri Sarawak, ialah Pelabuhan Bintulu. Ia akan dibina di Tanjung Kidurong, iaitu tujuh batu dari pekan Bintulu. Peruntukan peringkat pertama di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, ialah sebanyak \$60 juta. Peruntukan ini telah ditambah kepada \$315 juta, kerana membina kemudahan-kemudahan bagi ^{mengekspat} ~~pengekspat~~ Gas Asli Cair. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembinaan keseluruhan peringkat pertama Pelabuhan Bintulu, dianggarkan meningkat kepada \$430.4 juta.

7. Pelabuhan airdalam ini, akan disediakan serentak dengan Pusat Gas Asli Cair, daripada mana pengangkutan pertama Gas Asli Cair ^{akan} ~~dirancang~~ dibuat pada pertengahan tahun 1982.

7.

Pengeluaran Gas Asli Cair ini, dianggarkan meningkat sebanyak 6 juta tan setahun, menjelang tahun 1985.

8. Selain daripada Gas Asli Cair, berbagai jenis barang akan dapat diekspot melalui Pelabuhan ini kelak, iaitu hasil-hasil kayu-kayan, minyak kelapa sawit dan barang-barang am. Mengikut jangkaan asal, jumlah barang-barang yang akan dibawa keluar meningkat daripada 1.1 juta tan dalam tahun 1980, kepada 2.5 juta tan dalam tahun 1991, dan 3.4 juta tan dalam tahun 2,000.

9. Rekabentuk awal projek ini, sudahpun siap dibuat oleh syarikat perunding, sementara rekabentuk terperinci, dijadual siap pada pertengahan tahun 1978 ini. Tender akan dipanggil secara

berperingkat-peringkat, selepas pertengahan tahun 1978 ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Sebagaimana saya katakan tadi, bahawa Pelabuhan Bintulu akan disiapkan serentak dengan Pusat Gas Asli Cair. Pusat ini *adalah* dirancangkan dibina di atas kawasan seluas 500 ekar, sebelah utara tapak Pelabuhan Bintulu. Pihak PETRONAS telah diberi tanggungjawab untuk menjayakan projek ini, dan satu syarikat usaha—sama telah ditubuhkan antara PETRONAS, Syarikat Minyak SHELL dan Mitsubishi untuk menggali, mencair dan menjual gas asli. Kerja menyediakan rekabentuk asas loji, akan siap pada pertengahan tahun 1978, dan kontrek pembinaan akan diberi pada hujung tahun ini atau awal tahun 1979.

Semua kerja-kerja dijangka siap menjelang bulan Mac 1982.

11. Pihak Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) pula, telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan pengangkutan membawa keluar Gas Cair kelak. MISC sudahpun membuat pesanan untuk membeli 5 buah kapal daripada negara Perancis.

12. Saya telahpun mengarahkan semua Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi yang terlibat, supaya memberikan keutamaan yang tinggi kepada pembinaan kedua-dua projek ini. Mereka hendaklah memastikan supaya projek-projek ini disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan. Kementerian Buruh telah juga diarahkan, supaya mengkaji dan menyelesaikan masalah keperluan

10.

oleh tenaga kerja yang diperlukan/projek-projek ini. Bagi mengatasi keperluan jangka pendek, satu "crash training programme" akan dijalankan, menggunakan kemudahan-kemudahan institusi-institusi latihan yang sedia ada di negara ini. Langkah-langkah yang sesuai bagi menampung keperluan jangka panjang, sedang diberi perhatian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Satu lagi projek besar yang akan meningkatkan lagi kegiatan ekonomi Sarawak, ialah Loji Aluminium Reduction dan Generating, yang akan dibina di Bintulu juga. Mengikut perancangan dan perjanjian, ia akan mula ditubuhkan pada awal tahun-tahun lapan puluhan.

Pengeluaran peringkat awal dijangka sebanyak 140 ribu tan, dan hasil jualan tahunannya dianggarkan sebanyak \$408 juta. Loji ini mempunyai "life span" selama 50 tahun, dan dijangka memberi peluang pekerjaan kepada 850 orang. Loji ini akan menggunakan 850 juta meter padu gas asli setahun.

14. Sesungguhnya, projek-projek besar ini, disertai pula dengan rancangan-rancangan pembangunan yang akan dijalankan dalam kawasan lain di Sarawak, memberi harapan cemerlang kepada rakyat negeri ini. Apa yang diperlukan, ialah Kerajaan Negeri yang kukuh, pemimpin-pemimpin yang jujur dan pegawai serta kakitangan Kerajaan yang dedikasi dan bertanggungjawab,

12.

supaya segala rancangan dan projek ini, dapat mendatangkan hasil yang berkesan, yang boleh memberi faedah kepada rakyat seluruhnya?

15. Saya harap, rakyat Sarawak ^{akan} ~~dapat~~ terus memberikan sokongan dan kepercayaan mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional, ~~yang diketuai oleh Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub~~ supaya setiap perancangan dan pelaksanaan pembangunan sosio-ekonomi di Sarawak ini, dapat disediakan bagi mencapai matlamat kita membawa kemajuan, kemakmoran dan keamanan kepada rakyat. Saya sukalah memberi jaminan di sini, bahawa Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan bantuan dan kerjasamanya kepada Kerajaan negeri. ~~yang ada sekarang ini.~~ Oleh itu, rakyat mestilah ^{Barisan Nasional} ~~di bawah pimpinan~~

~~Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman~~

~~Yaakub ini~~ dapat terus memegang teraju pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak di masa akan datang.

16. Rakyat dan penduduk di Sibu khususnya, dan dalam Bahagian Ketiga 'amnya, mestilah sedar bahawa wujudnya keadaan keselamatan yang stabil di kawasan ini, adalah hasil tindakan tegas Kerajaan Negeri. ~~dan usaha suci dan ikhlas Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub sendiri.~~
Kerajaan negeri
 Kejayaannya ~~membawa~~ keamanan dan ketenteraman di kawasan ini, patutlah disanjung tinggi oleh rakyat dan penduduk di kawasan ini. Kini mereka hendaklah terus memberikan sokongan dan kerjasama mereka kepada Kerajaan *Baيسان nasional negeri supaya* ~~Negeri dan Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub~~ supaya

pembangunan membolahkannya membawa kemajuan di kawasan ini, dan kemakmoran dan kebahagiaan kepada rakyat.

Puan² dan Puan² sekalian.

17. Berbalik kita kepada Pelabuhan baru Sibu ini, saya sukalah menyeru kepada semua Ahli Lembaga, pegawai dan kakitangan, serta sekelian pekerja, supaya memberi perkhidmatan yang bersungguh-sungguh dan penuh dedikasi, supaya dapat memelihara dan mengekalkan nama baik dan mutu kecekapan yang tinggi pelabuhan ini. Perkhidmatan cekap yang bermutu tinggi ini, akan dapat menarik lebih banyak lagi pelanggan dan kapal-kapal menggunakan pelabuhan ini. Saya mendo'akan supaya Allah memberi perlindungan kepada semua kapal dan orang yang menggunakan pelabuhan ini.



15.

18. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan
berbanyak terima kasih ~~serta setinggi-tinggi~~
~~penghargaan~~ kepada semua pihak yang telah
menjayakan majlis hari ini, serta juga yang
telah menjayakan lawatan resmi saya ke Sibuh ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
mengisytiharkan Pelabuhan baru Sibuh ini, dibuka
dengan resminya.

Terima kasih.





No Siri	361
No. Penerimaan	27/81